

Kata kunci:
Didik
Ajar
Pendekatan
Faham



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

4 September 2026 / 22 Rabiulawal 1448H

Hadyun Nabawi: Menyemai Minda Kritis, Memupuk Hikmah

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّزْوِيلِ: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Saudaraku,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Laksanakan segala perintah-Nya dan tinggalkan segala tegahan-Nya. Semoga kita memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang dirahmati Allah,

Rasulullah s.a.w. diutuskan sebagai seorang **pendidik** yang unggul, yang membimbing manusia dengan ilmu, hikmah dan kasih sayang.

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *“Dialah yang mengutuskan kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang membacakan ayat-ayat-Nya, menyucikan (jiwa) mereka, serta **mengajarkan** Kitab (al-Quran) dan Hikmah. Meskipun mereka sebelum itu dalam kesesatan yang nyata.”*

Saudara sekalian,

Rasulullah s.a.w. membawa revolusi **pendidikan** yang membina pemikiran dan jati diri. Dalam era limpahan maklumat dan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) hari ini, cabaran kita bukan sekadar mendapatkan maklumat, tetapi membina **minda yang kritis**, yang berdaya menapis kebenaran daripada kepalsuan, serta menilai setiap perkara secara saksama.

Justeru, pedagogi **Nabawi** – iaitu **pendekatan** Baginda s.a.w. dalam **mendidik** – amat perlu dihidupkan semula, bukan sahaja oleh mereka yang bergelar guru, malah oleh ibu bapa dan setiap pembimbing dalam masyarakat. Apakah pedagogi tersebut?

Pertama: Rasulullah s.a.w. merangsang pemikiran kritis

Rasulullah s.a.w. **mendidik** dengan merangsang akal. Dalam hadis riwayat Imam Muslim, Baginda s.a.w. bertanya kepada

para sahabat, yang bermaksud: *"Tahukah kamu siapakah orang yang muflis itu?"*

Apabila sahabat menjawab muflis adalah orang yang tiada harta, Baginda memperbetulkan **kefahaman** mereka bahawa muflis hakiki ialah orang yang membawa pahala di akhirat kelak, tetapi kebajikannya habis untuk membayar dosa kezalimannya terhadap orang lain.

Melalui kaedah ini, Baginda s.a.w. **mengajar** kita untuk tidak memandang dan **memahami** sesuatu secara luaran sahaja, tetapi menilai secara kritis dan mendalam dalam setiap perkara.

Kedua: Pembelajaran mengikut kadar pemahaman

Rasulullah s.a.w. menyampaikan bimbingan secara bertahap mengikut keupayaan penerima, dan begitulah juga cara Baginda s.a.w. mendidik para sahabat. Dalam sepotong riwayat Imam Al-Bukhari, Sayyidina Ali r.a. berpesan yang bermaksud: *"Berbicaralah kepada manusia mengikut kadar apa yang mampu mereka **fahami**."*

Menyampaikan kebenaran dan **ajaran** agama juga memerlukan kesabaran, **pendekatan** bertahap dan menyentuh hati, bukan paksaan atau kekerasan.

Ketiga: Rasulullah s.a.w. membina jambatan jiwa

Pendidikan berkesan bermula daripada hati yang saling bertaut. Sayyidina Mu'az bin Jabal r.a. meriwayatkan bahawa

Rasulullah s.a.w. menggenggam tangannya lalu bersabda yang bermaksud: *"Wahai Mu'az! Demi Allah, sesungguhnya aku menyayangimu..."* (Riwayat Abu Daud)

Baginda s.a.w. menzahirkan kasih sayang terlebih dahulu sebelum menitipkan pesanan. Apabila mereka yang dibimbing merasa dikasihi dan selamat dari prejudis, maka setiap nasihat dan **pengajaran** mudah diterima dengan dada yang lapang.

Sidang hadirin sekalian,

Tugas **mendidik** tidak terhad kepada sekolah semata-mata. Ia adalah amanah setiap insan. Oleh itu, berbekalkan pedoman yang kita **pelajari** daripada Rasulullah s.a.w., marilah kita memainkan peranan ini melalui **pendekatan** yang terbaik dan penuh kasih sayang.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita hikmah dalam **mendidik** keluarga dan masyarakat, serta merahmati para guru dan **pendidik** kita di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْهُمْ وَمَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ

عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.